

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
[ PASIR MAS ]**

**SOALAN : Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul  
Aziz [ Pasir Mas ] minta **MENTERI LUAR  
NEGERI** menyatakan pelan tindakan Kerajaan  
dalam memimpin negara ASEAN bagi tempoh  
ini.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas atas soalan beliau.

2. Sebagai permulaan, ingin saya tekankan bahawa tahun 2015 merupakan tahun yang penting dan bersejarah bagi Malaysia kerana ia merupakan tahun di mana Malaysia menggalas tugas penting menjadi Pengerusi ASEAN. Ianya penting dan bersejarah kerana Malaysia, sebagai Pengerusi ASEAN, perlu memuktamadkan dua perkara berikut sebelum 31 Disember 2015:

- 2.1. Memastikan pelaksanaan baki garis tindakan seperti yang terkandung di dalam tiga Pelan Tindakan Komuniti ASEAN dan memuktamadkan Pelan Hala Tuju Komuniti ASEAN (2009-2015); dan
- 2.2. Membangun dan memuktamadkan Visi Komuniti ASEAN Pasca-2015 dan Dokumen-dokumen Iringannya.

3. Oleh yang demikian, dalam usaha memaksimumkan Kepengerusian ASEAN yang mana pada masa yang sama Malaysia dapat mengetengahkan pendiriannya, sukacita saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia telah mengenal pasti sebanyak **lapan keutamaan** bagi Kepengerusian ASEAN pada tahun 2015. Keutamaan-keutamaan ini merupakan pelan tindakan yang dirangka oleh Kerajaan bagi mengemudi ASEAN sepanjang tahun ini. Keutamaan-keutamaan tersebut adalah seperti berikut:

- 3.1. Pertama, **penubuhan secara formal Komuniti ASEAN.** Malaysia akan berusaha ke arah pelaksanaan baki garis tindakan bagi tiga Pelan Tindakan Komuniti ASEAN yang belum dilaksanakan. Kejayaan pelaksanaan ini akan dimanifestasikan dengan penubuhan Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015;
- 3.2. Kedua, **memuktamadkan Visi Komuniti ASEAN Pasca-2015 dan dokumen-dokumen iringannya** sebagai panduan bagi Komuniti ASEAN untuk terus makmur dan membangun dengan semangat kekitaan yang lebih jitu sebagai satu komuniti. Dokumen-dokumen ini akan diperakukan oleh para Pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 pada November 2015;
- 3.3. Ketiga, **mendekatkan ASEAN kepada rakyat.** ASEAN akan terus berkhidmat untuk memenuhi keperluan rakyatnya. Malaysia akan berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang bagi jalinan yang lebih erat di kalangan 625 juta warga ASEAN dan pihak-pihak berkepentingn dalam proses pembangunan komuniti ASEAN;
- 3.4. Keempat, **memperkukuhkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di rantau ASEAN.** Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, PKS membentuk 97% daripada perusahaan di rantau ini. Sehubungan itu, usaha perlu diambil agar industri ini akan terus makmur walaupun berhadapan dengan tekanan persaingan hasil

daripada integrasi serantau. Dalam hal ini, Malaysia akan menganjurkan beberapa inisiatif bagi mempromosikan PKS;

- 3.5. Kelima, **memperluaskan perdagangan dan pelaburan antara ASEAN**. Usaha akan ditumpukan ke arah menggalakkan pelaburan dan perdagangan sesama rakan ASEAN. Walaupun terdapat pertumbuhan ketara dalam bidang ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini, namun masih terdapat banyak lagi ruang bagi penambahbaikan;
- 3.6. Keenam, **mengukuhkan institusi ASEAN**. Dengan perubahan dinamik serantau dan global, Malaysia percaya bahawa institusi- institusi ASEAN perlu diperkukuhkan. Hal ini adalah penting dalam usaha kita mempercepat proses pembinaan Komuniti ASEAN selepas tahun 2015 dan dalam masa yang sama meningkatkan kepusatan ASEAN atau dengan izin, *ASEAN Centrality*;
- 3.7. Ketujuh, **menggalakkan keamanan dan keselamatan serantau bertunjangkan konsep kesederhanaan** sebagai salah satu nilai teras dalam menangani konflik dan mencari penyelesaian kepada isu-isu yang berkaitan dengan keamanan dan keselamatan serantau; dan
- 3.8. Kelapan, **meningkatkan peranan ASEAN sebagai pemain global**. Dengan perubahan landskap strategik serantau dan global, ASEAN perlu terus progresif dan dengan izin, *outward looking*. Atas sebab ini, adalah penting bagi ASEAN untuk mengekalkan peranan proaktif dan kepusatannya

sebagai penggerak utama bagi arkitektur serantau yang terbuka, telus dan inklusif.

4. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dikongsi bersama para Menteri Luar ASEAN ketika Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN pada penghujung Januari 2015 di Kota Kinabalu. Ketika sesi tersebut, para Menteri Luar telah melahirkan sokongan padu terhadap kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015 dalam mengemudi dan memacu ASEAN menjangkau tahun 2015.

5. Selaras dengan tema Kepengerusian Malaysia iaitu “Warga Kita, Komuniti Kita, Visi Kita”, Malaysia komited dalam menggalas tanggungjawab bersama ini untuk memastikan ASEAN untuk terus bersatu dan harmoni, supaya warga ASEAN menikmati hasil penyatuan ekonominya, dan yang paling utama, berkongsi kejayaan-kejayaan ini dengan semua warga ASEAN.

6. Dengan peningkatan ancaman radikalisme dan keganasan melampau, atas cadangan YAB Perdana Menteri ketika Sidang Kemuncak ASEAN Ke-25 pada November 2014, Malaysia juga akan menganjurkan Mesyuarat Khas Menteri ASEAN berkenaan radikalisme dan keganasan melampau pada bulan Oktober 2015 ini. Mesyuarat Khas ini akan berbincang dan bertukar-tukar fikiran mengenai hala tuju dan langkah-langkah berkesan yang boleh diambil secara menyeluruh untuk mengatasi ancaman radikalisme dan keganasan melampau yang berlaku di rantau ini.

Sekian, terima kasih.